

Palanivel kalahkan Subramaniam

KUALA LUMPUR: Datuk G Palanivel merampas jawatan Timbalan Presiden MIC daripada penyandanginya selama 24 tahun, Datuk S Subramaniam, pada pertandingan sengit semalam.

Anak didik Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu itu meraih majoriti 438 undi bagi menumpaskan lawannya.

Subramaniam meraih 495 undi (35 peratus) berbanding 933 undi (67 peratus) yang diterima Palanivel. Sejumlah 1,428 daripada 1,441 yang layak mengundi menunaikan tanggungjawab masing-masing.

Palanivel menitiskan air mata

gembira apabila penyokongnya mula mengucapkan tahniah sebelum keputusan rasmi dibuat, malah Samy Vellu menjulang megah tangan bakal penggantinya yang beliau sendiri pilih selepas berpatah arang dengan Subramaniam.

Seawal jam 5.40 petang, perwakilan bertali arus mendakap dan mengucapkan tahniah kepada Palanivel dan tiga calon naib presiden pilihan Samy Vellu iaitu penyandang, Datuk S Veerasingham dan Tan Sri KS Nijhar serta Datuk S Sothinathan walaupun pengumuman rasmi hanya dibuat jam 7.20 malam.

Sothinathan mengungguli senarai pemenang naib presiden dengan 1,153 undi diikuti Veerasingham (1,141 undi) dan Nijhar mendapat 939 undi bagi menangkis cabaran empat calon lain.

Subramaniam dan Palanivel menjelajah ke seluruh negara untuk berkempen dengan menemui hampir semua perwakilan secara peribadi dalam pertandingan yang menjadi penentu masa depan kerjaya politik masing-masing.

Samy Vellu yang mengekalkan jawatan presiden parti buat penggal ke-10 berturut-turut apabila tiada pencabar selepas pencalonan

ditutup Mac lalu walaupun beliau cuba sedaya upaya mengumpan Subramaniam supaya menentanginya.

Pengerusi Jawatankuasa pemandu Pemilihan MIC, Datuk K Vijayanathan, berkata proses pengundian yang bermula jam 12.30 itu selesai kira-kira jam 2.45 petang manakala pengiraan undi selesai pada jam 7 petang.

Bagi 23 kerusi anggota Jawatankuasa Kerja Pusat semua calon pilihan presiden kecuali Datuk Chandrasekhar Suppiah dan Datuk K Munisamy yang disingkirkan P Logeswary dan R Raghu Moorthy.